

Lawatan Anwar ke Laos eratkan hubungan dua hala

Vientiane: Lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Laos bermula semalam, bertujuan mengukuhkan hubungan antara Kuala Lumpur dan Vientiane berdasarkan kepada kedudukan Laos sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan.

Lawatan sulung Anwar ke negara dikelilingi daratan itu adalah atas undangan rakan sejawatannya dari Laos, Dr Sonexay Siphandone ketika Sidang Kemuncak ASEAN di Labuan Bajo, Indonesia bulan lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada sidang akhbar menjelang lawatan itu berkata, lawatan Anwar ke Laos, yang pertama dalam kalangan pemimpin Malaysia sejak 2016 adalah penting kerana Malaysia akan mengambil alih

jawatan sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025, selepas Laos.

“Lawatan Perdana Menteri ke Laos akan beri peluang kepada pemimpin kedua-dua negara untuk bina momentum positif sebelum Laos mengambil alih Kepengerusian ASEAN dari Indonesia,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Ini lawatan rasmi ketujuh Anwar ke negara anggota ASEAN sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 24 November tahun lalu, selepas berkunjung ke Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Filipina dan Kemboja.

Perdana Menteri tiba di sini petang semalam, ditemani isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan akan disambut oleh Ketua Pejabat Perdana

Menteri Laos, Alounxay Sounalath.

Zambry berkata, Anwar akan memulakan lawatannya dengan bertemu pemimpin Pertubuhan Islam di sebuah hotel di sini untuk membincangkan isu Umah. Terdapat kira-kira 900 orang Islam di Laos.

Pada hari kedua lawatan, Anwar akan mengadakan pertemuan dua hala dengan Siphandone dengan kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan pelbagai pendekatan bagi mengukuhkan hubungan Malaysia dan Laos serta kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya akan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) antara

ra Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Lao National Railway State Enterprise (LNRSE) serta Mutiara Perlis Sdn Bhd (MPSB) dan Thanaleng Dry Port (TDP).

Zambry berkata, Anwar dan Siphandone juga akan menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Electricite du Lao (EDL).

Ketika lawatan itu, Perdana Menteri juga akan melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Laos Dr Thongloun Sisoulith di Istana Presiden dan Presiden Dewan Negara Laos Dr Xaysomphone Phommvihane di bangunan Dewan Negara.

Anwar juga akan bertemu dengan rakyat Malaysia di sana dalam jamuan minum lewat petang di Kedutaan Malaysia di

sini dan beliau juga akan merasmikan bangunan kedutaan di ibu negara Laos.

Zambry berkata, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Laos melonjak sebanyak 425 peratus daripada AS\$48.7 juta (RM202.5 juta) pada 2021 kepada AS\$255.6 juta (RM1.13 bilion) pada 2022, yang kebanyakannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap produk elektronik Malaysia.

Malaysia adalah penyumbang Pelaburan Langsung Asing (FDI) keempat terbesar Laos tahun lalu, selepas China, Thailand dan Vietnam, terutama dalam sektor tenaga, zon perdagangan bebas, automotif dan sektor perbankan.

Malaysia dan Laos menjalin hubungan diplomatik sejak 1 Julai 1966. BERNAMA